

FOC



minta

bantuan

B. Harlan (M)

Persilat

Oleh MOHD RAHIME

YUSOF - 4 OCT 1989

MAJLIS Olimpik Filipina (FOC) sedia menyenaraikan silat olahraga pada Sukan SEA XVI, Manila 1991, jika Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) memberi sokongan di segi teknikal.

Ini kerana FOC mendapati negara itu tidak mempunyai kemahiran di segi teknikal bagi mengajurkan silat olahraga.

Sumber FOC berkata, Persilat perlu membantu majlis itu dengan memperkenalkan sukan itu dan bidang teknikal kepada pendokong silat di Filipina.

Sumber itu percaya peluang silat disenaraikan adalah cerah jika Persilat menjalankan tugas mereka di Manila secepat mungkin.

Harian Sukan difahamkan, Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Manila akan mengadakan mesyuarat pertama, Disember ini.

Menurut sumber itu, kesediaan FOC itu kerana ada lima negara menyertai acara silat olahraga sejak mula di perkenalkan pada Sukan SEA Jakarta '87 lalu.

Sehubungan itu, Setiausaha Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Abdul Rahman Hassan, berkata pihaknya sedia membantu Persilat 'menjual' silat dan bidang teknikal ke Filipina jika diperlukan.

"Saya begitu gembira berita dari Manila itu kerana memang menjadi hasrat kami agar silat olahraga disenaraikan pada Sukan SEA nanti," katanya semalam.

Beliau berkata, Persilat sudah bermesyuarat di Kuala Lumpur pada 29 Ogos lalu, membincangkan cara mengembangkan silat ke Filipina.

Antara keputusan diambil ialah Persilat akan mengadakan kursus wasit juri, teknikal pertandingan, teknik kejurulatihan, selain beberapa acara pertunjukan di Manila, selewat-lewat awal tahun depan.

Naib Presiden Persilat, Pengiran Haji Mokhtar Putih dari Brunei diberi tugas mempengerusikan jawatankuasa pengembangan silat di Filipina.

Antara cadangan itu kata Abdul Rahman, Persilat akan menanggung pendokong silat Filipina mengikuti kursus wasit juri di Brunei, Mac tahun depan yang dianjurkan sempena Kejuarahan Jemputan Kemerdekaan Brunei.

"Saya harap masalah ini boleh diselesaikan dalam waktu yang singkat, jika beberapa rancangan silat dilaksanakan mengikut jadual," katanya.